

Telefon : 088-223536  
Faks : 088-223071  
088-239751



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR  
BANDAR SABAH  
Jalan Sembulan,  
Peti Surat 11591,  
88817 Kota Kinabalu, Sabah.

Ruj. Kami : KPLB:100-15  
Tarikh : 04 Julai 2013

Pegarah  
Bahagian Kabinet dan Dasar  
Tingkat 5, Wisma Innoprise  
Jalan Sulaman, Teluk Likas  
88817 KOTA KINABALU

Tuan,

**PENGEMASKINIAN DASAR-DASAR UTAMA KERAJAAN NEGERI SABAH  
SURAT PEKELILING DASAR BIL.1 TAHUN 2005  
BAHAGIAN KABINET DAN DASAR, JABATAN KETUA MENTERI**


Dengan hormatnya, saya diarah merujuk surat tuan bil. JKM/BKD:600-2 Klt.4(81) bertarikh 01 Julai 2013 mengenai perkara di atas dirujuk. Surat Kementerian ini bil. KPLB(S)100-7 Jld.3 bertarikh 13 Jan 2013 adalah berkenaan.

2. Bersama ini disertakan sesalinan dasar-dasar utama Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk perhatian dan tindakan tuan selanjutnya. Sila maklum dasar-dasar tersebut masih boleh digunapakai hingga kini.

Sekian dan harap maklum.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"**

Saya yang menurut perintah,

  
( ABU BAKAR HJ. ABD. LATIP )  
Timbalan Setiausaha Tetap  
b.p Setiausaha Tetap

s.k YB. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri  
Jabatan Ketua Menteri  
Tingkat 6, Wisma Innoprise  
KOTA KINABALU.

PERKHIDMATAN BERKUALITI TERAS PEMBANGUNAN CEMERLANG

## PEMBAHAGIAN PORTFOLIO-PORTFOLIO BAGI AHLI-AHLI JEMAAH MENTERI

### TANGGUNGJAWAB

1. Mengawal dan mengagih **Peruntukan Khas** bagi YB Menteri, YB Pembantu Menteri dan YB ADUN berdasarkan kepada kelulusan Kerajaan Negeri;
2. Mengawal dan menyelaraskan pengagihan peruntukan **Bantuan Orang Susah** melalui Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah;
3. Mengawalselia sistem pentadbiran dan prestasi pejabat-pejabat daerah;
4. Memantau prestasi program-program pembasmian kemiskinan Kerajaan Negeri dan Persekutuan melalui Jawatankuasa Pemandu SPKR/Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri;
5. Merancang dan melaksana program-program utama pembasmian kemiskinan Kerajaan Negeri;
6. Menyelaraskan program-program NKRA Kerajaan Persekutuan (Infrastruktur Asas Luar Bandar) melalui Jawatankuasa Penyelaras NKRA (Rural Basic Infrastructure) Peringkat Negeri;
7. Penyelaras utama kepada Program Bantuan Rumah (PBR) di bawah NKRA;
8. Melaksana **Program Kampung Sejahtera** di kampung-kampung terpilih di seluruh negeri dengan meningkatkan ameniti dan ekonomi kampung disamping pemuliharaan alam sekitar melalui program pendidikan dan kesedaran;
9. Pembangunan usahawan kecil desa melalui program-program **Satu Daerah Satu Produk, Pusat Usahawan Desa dan Kegiatan Industri Desa** (latihan, kemudahan dan pembangunan produk);
10. Mengawalselia Pentadbiran JKKK dan JKDB Seluruh Negeri
  - Menimbang, melantik dan menamatkan perkhidmatan Pengerusi dan Anggota JKKK atas perakuan ADUN Kerajaan melalui pejabat daerah berdasarkan kepada **Garis panduan JKKK/JKDB Negeri Sabah**;
  - Mengawal dan menyalurkan peruntukan elaun bulanan Pengerusi dan Setiausaha JKKK/JKDB;
  - Menganjurkan kursus-kursus pengurusan dan pentadbiran JKKK/JKDB di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri;
  - Menganjurkan kursus terpilih (jahitan) untuk wanita luar bandar.

# KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SABAH

## BAHAGIAN A:

### MAKLUMAT ORGANISASI

#### 1. *Nama Organisasi*

Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah

#### 2. *Wawasan*

Sebagai Penggerak utama dalam menjadikan Kawasan Luar Bandar di Sabah satu kawasan yang produktif, menarik, maju dan menguntungkan.

#### 3. *Objektif*

- 1.1. Mewujudkan program pembangunan di peringkat daerah yang lebih mantap dan bersepadu.
- 1.2. Meningkatkan kecekapan dan kemampuan jentera pembangunan luar bandar.
- 1.3. Meningkatkan tahap integrasi dan pengukuhan antara fungsi pentadbiran daerah, pembangunan luar bandar (fizikal) dan pembangunan masyarakat

#### 4. *Fungsi Utama*

- a. Program Pembangunan Kecil Luar Bandar
  - i. Memberi kemudahan dan keperluan asas kepada penduduk - penduduk di luar bandar dan kawasan - kawasan yang kekurangan kemudahan asas di kawasan bandar.
  - ii. Memberi peluang kepada penduduk - penduduk di luar bandar untuk meningkatkan taraf hidup dan ekonomi mereka.

- iii. Berusaha untuk memberi penduduk - penduduk miskin dan termiskin keluar daripada belunggu kemiskinan

b. Program Pemulihan Kampung

- i. Menjana dan membimbing kampung - kampung yang terpilih iaitu kampung - kampung yang mundur, ramai penduduk termiskin / miskin dan terpencil agar menjadi kampung yang maju, baik dari segi fizikal dan minda penduduknya. Memberikan bantuan - bantuan asas / peralatan untuk aktiviti ekonomi kepada penduduk kampung yang kurang mampu.
- ii. Memberi galakan kepada penduduk luar bandar untuk berusaha bagi memajukan diri demi untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka.
- iii. Menyediakan atau memulihkan kemudahan asas yang mendesak di kawasan luar bandar terutamanya yang rosak akibat bencana dan memerlukan pembaikan segera.
- iv. Mengurangkan kadar kemiskinan di kawasan luar bandar

c. Program Pembangunan Keusahawanan

- i. Memberikan pendedahan dan menyediakan prasarana - prasarana asas kepada usahawan - usahawan kecil dan sederhana terutama di luar bandar kepada peluang - peluang dalam bidang keusahawanan.
- ii. Menubuhkan asas perkembangan industri desa.
- iii. Mempromosi dan menambahnilai produk - produk yang dihasilkan oleh usahawan - usahawan terutamanya produk - produk di kawasan luar bandar.

d. Program Satu Daerah Satu Produk

- i. Membangun dan memajukan kampung - kampung yang mempunyai sumber - sumber dominan agar ianya dapat dimajukan untuk menjadi sumber ekonomi kepada masyarakat setempat.
- ii. Meningkatkan pendapatan para peserta projek, khususnya golongan miskin / termiskin.
- iii. Memberikan kemahiran teknikal kepada para peserta.
- iv. Memajukan tanah - tanah terbiar agar menjadi produktif dan dapat menyumbang kepada ekonomi negeri.

e. Program Peruntukan Khas

- i. Menyediakan keperluan dan kemudahan asas kepada kampung - kampung dan kawasan - kawasan dalam bandar yang kekurangan kemudahan asas untuk keselesaan penduduk - penduduk.
- ii. Memberikan bantuan yang perlu terutamanya kepada rakyat miskin dan termiskin.
- iii. Menggalakkan rakyat miskin dan termiskin mengusahakan projek ekonomi secara berkelompok untuk meningkatkan taraf hidup mereka

f. Program Pembasmian Kemiskinan

- i. Mengurangkan kadar kemiskinan dan penghapusan kadar ketermiskinan di Sabah dengan lebih cepat dan berkesan.
- ii. Mempastikan program - program pembasmian kemiskinan dapat dirancang, dilaksana dan dipantau dengan lebih sistematik dan teratur.

- iii. Mempastikan program - program pembasmian kemiskinan dapat dilaksanakan secara bersepadu dan terselaras diantara pelbagai jabatan / agensi kerajaan.

## **BAHAGIAN B:**

### **MAKLUMAT DASAR**

#### **5. DASAR**

##### **a. Dasar utama - Peringkat Negeri**

- i. Merangsang dan menjana pembangunan ekonomi yang mampan, menyediakan kemudahan infrastruktur yang berkualiti, mewujudkan suasana yang indah dan menarik dan melahirkan masyarakat yang terbangun mindanya, membenters kemiskinan dan mewujudkan usahawan - usahawan kecil dan sederhana bumiputera yang berdaya saing terutamanya di kawasan luar bandar.

Matlamat Dasar : Untuk membangun, membaiki serta melengkap infrastruktur asas dan kemudahan awam di kawasan luar bandar, mengadakan program - program / projek - projek yang boleh meningkatkan pendapatan di kawasan luar bandar dan seterusnya menjana pembangunan ekonomi di kawasan luar bandar, mengadakan program / projek yang khusus untuk pembasmian kemiskinan dengan memberikan tumpuan kepada golongan termiskin serta mewujudkan peluang - peluang dan memberikan bimbingan kepada golongan usahawan bumiputera di kawasan luar bandar.

##### **b. Dasar - Dasar Sokongan - Peringkat Kementerian**

- i. Dasar Pembangunan Kecil Luar Bandar

###### *Objektif / Matlamat Dasar*

Memberi faedah kepada seluruh penduduk terutamanya yang tinggal di kawasan - kawasan luar bandar selaras dengan usaha

kerajaan untuk menyediakan kemudahan - kemudahan asas kepada penduduk - penduduk luar bandar demi untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

ii. Dasar Pemulihan Kampung

Objektif / Matlamat Dasar

Untuk menyediakan kemudahan - kemudahan asas dan bantuan - bantuan bagi faedah penduduk - penduduk luar bandar bagi mendorong mereka untuk memajukan diri dan seterusnya dapat meningkatkan taraf kehidupan mereka. Secara tidak langsung ini akan dapat menyumbang kepada pengukuhan ekonomi Negeri dan mengurangkan insiden kemiskinan di kawasan luar bandar.

iii. Dasar Pembangunan Keusahawanan

Objektif / Matlamat Dasar

Untuk menjana rangkaian perniagaan dan memangkin pertumbuhan aktiviti - aktiviti ekonomi di luar bandar ke arah mewujudkan peluang - peluang pekerjaan dan menarik minat pelabur - pelabur ke kawasan luarbandar.

iv. Dasar Satu Daerah Satu Produk

Objektif / Matlamat Dasar

Menggalakkan masyarakat desa menceburi bidang keusahawanan secara kecil - kecilan dan memberikan galakan masyarakat luar bandar agar mengusahakan tanah terbiar dengan tanaman komersial yang berdaya maju disamping mempromosikan produk atau hasil yang berpotensi di daerah - daerah di Negeri Sabah.

v. Dasar Peruntukan Khas

Objektif / Matlamat Dasar

Menyediakan keperluan - keperluan rakyat terutamanya di kawasan - kawasan Dewan Undnagan Negeri (DUN) selaras dengan usaha kerajaan bagi menyediakan kemudahan dan

keperluan asas untuk meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar agar mereka tidak terpinggir dari arus pembangunan.

vi. Dasar Pembasmian Kemiskinan

Objektif / Matlamat Dasar

Ke arah mengurangkan kadar kemiskinan kepada 6 % menjelang tahun 2010 dan dalam masa yang sama juga dapat membasmi kadar ketermiskinan melalui pelaksanaan program / projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri.

## 6. STRATEGI PELAKSANAAN DASAR

a. Program Pembangunan Kecil Luar Bandar

- i. Mulai tahun 2001 dalam RMK8 program Pembangunan Kecil Luar Bandar akan ditumpukan sebahagian besarnya kepada pembiayaan projek - projek kecil yang dicadangkan oleh Timbalan Presiden Majlis - Majlis Perbandaran, Pegawai - Pegawai Daerah dan Penolong - Penolong Pegawai Daerah ( Daerah Kecil). Semua cadangan bagi projek - projek kecil di bawah program ini akan dikemukakan ke Kementerian ini setelah diperiksa, diteliti dan dinilai butir - butir seperti lokasi, spesifikasi, skop kerja, kos dan justifikasinya oleh Majlis Perbandaran/ Pejabat Daerah/Pejabat Daerah Kecil.

b. Program Pemulihan Kampung

- i. Terdapat dua komponen projek yang diluluskan peruntukan dalam RMK8 iaitu;

a. Projek Desa Wawasan

Projek Desa Wawasan adalah merupakan satu program yang bertujuan untuk membangun dan memajukan kampung - kampung terpilih, iaitu kampung yang terpencil mempunyai ramai penduduk miskin/termiskin dan dikelilingi kampung - kampung yang lain serta berpotensi untuk dimajukan.



Projek - projek pembangunan yang dilaksanakan di kampung - kampung Desa Wawasan ialah pembangunan kemudahan asas, pembangunan manusia dan pembangunan ekonomi. Hasil penilaian yang dibuat ke atas kampung - kampung berkenaan, program tersebut telah menunjukkan kejayaan yang menggalakkan.

b. Projek Pembangunan Ekonomi Kampung

Projek Pembangunan Ekonomi Kampung adalah merupakan program yang bertujuan untuk menjana dan meningkatkan taraf hidup serta ekonomi penduduk luar bandar dengan mengusahakan secara berkelompok projek - projek ekonomi yang boleh menambah pendapatan seperti projek - projek ternakan, pertanian, perikanan dan pembangunan tanah terbiar.

c. Program Pembangunan Keusahawanan

Program Pembangunan Keusahawanan adalah program yang menjurus kepada usaha untuk membantu membangunkan ekonomi masyarakat khususnya masyarakat luar bandar yang tergolong dalam keluarga miskin dan termiskin untuk bergerak aktif dalam aktiviti - aktiviti ekonomi yang boleh meningkatkan taraf hidup mereka melalui program - program berikut:

i. Latihan, Bimbingan Pendedahan - *bengkel, dialog*.

ii. Pembangunan Usahawan Desa

iii. Skim Bantuan Usahawan

iv. Promosi Produk

v. Pembangunan Produk

vi. Penyelidikan dan Pembangunan

d. Program Satu Daerah Satu Produk (SDSP)

e. Program Peruntukan Khas

Program Peruntukan Khas adalah program yang menyediakan peruntukan untuk pelaksanaan projek - projek kecil luar bandar yang dicadangkan oleh Ahli - ahli Dewan Undangan Negeri melalui Pejabat - Pejabat Daerah/Pejabat Daerah Kecil. Kategori Program Peruntukan Khas adalah seperti berikut:

- i. Peruntukan Untuk Ahli Dewan Undangan Negeri (Kerajaan )
- ii. Peruntukan Untuk Menteri
- iii. Peruntukan Untuk ADUN (Dilantik)
- iv. Peruntukan Untuk Kawasan Dewan Undangan Negeri (Bukan Kerajaan)

f. Program Pembasmian Kemiskinan

Program Pembasmian Kemiskinan adalah program untuk membantu rakyat miskin / termiskin meningkatkan pendapatan dan seterusnya terkeluar dari belunggu miskin dan ketermiskinan. Program pembasmian kemiskian yang telah dirancang untuk dilaksanakan ialah seperti berikut:

- i. Program Peningkatan Pendapatan
- ii. Program Perumahan KIRT
- iii. Ladang PPRT
- iv. Program Pembangunan Sumber Manusia
- v. Program Khas Rakyat Termiskin ( Jabatan Perikanan)
- vi. Program Pembangunan Penternak Termiskin
- vii. Program Pembangunan Nelayan Termiskin

## 7. PROGRAM DAN PROJEK BAGI MEREALISASIKAN STRATEGI

### 7.1. Program Pembangunan Kecil Luar Bandar

#### 7.1.1. Pembinaan dan Penyelenggaraan Projek - Projek Kecil Luar Bandar.

Objektif : Untuk menyediakan kemudahan dan keperluan asas kepada penduduk - penduduk luar bandar.

Jenis Program

##### i. Pembinaan / penyelenggaraan

- ◆ Jalan Kampung
- ◆ Jambatan gantung
- ◆ Jambatan titi
- ◆ Rumah - rumah ibadat
- ◆ Balai raya
- ◆ Perparitan
- ◆ Dewan mini
- ◆ Paip air graviti

### 7.2. Program Pemulihan Kampung

#### 7.2.1. Projek Desa Wawasan

Objektif : Untuk membangun dan memajukan kampung - kampung terpilih, yang mempunyai ramai penduduk miskin dan termiskin, dikelilingi oleh kampung - kampung yang lain serta berpotensi untuk dimajukan.

Jenis Program

##### i. Pembangunan Kemudahan Asas

- ◆ Jalan Kampung
- ◆ Elektrik Luar Bandar
- ◆ Air Luar Bandar
- ◆ Pembinaan tandas awam
- ◆ Balai raya

## ii. Pembangunan Manusia / Insan

- ♦ Kursus motivasi
- ♦ Bimbingan dan Kerjaya
- ♦ Sivik dan rohani
- ♦ Kursus Kemahiran - jahit menjahit

## iii. Pembangunan Ekonomi Kampung

- ♦ Tanaman berasaskan pertanian - *Pisang, kentang, jagung, limau dan sebagainya*
- ♦ Pemprosesan hasil - hasil pertanian
- ♦ Penanaman rumpai laut
- ♦ Pembangunan Tanah Terbiar
- ♦ Ternakan Ikan Air Tawar
- ♦ Ternakan ayam, itik dll

## 7.3. Program Pembangunan Usahawan

### 7.3.1. Projek Latihan, Bimbingan dan Pendedahan

Objektif : Mendedahkan dan seterusnya melahirkan usahawan kecil dan sederhana luar bandar yang benar - benar ingin mencaburi bidang keusahawanan.

#### Jenis Program

- i. Kursus Pemprosesan Makanan Terpilih Peringkat Zon
- ii. Kursus Asas Pembuatan Kraftangan Tempatan
- iii. Dialog Keusahawanan Peringkat Negeri
- iv. Dialog Keusahawanan Peringkat Daerah

### 7.3.2. Projek Pembangunan Usahawan Desa

Objektif : Mendedahkan usahawan desa/ kecil kepada aktiviti - aktiviti keusahawanan serta menerokai peluang - peluang perniagaan, pelaburan dan pemasaran.

Jenis Program

- i. Pembangunan usahawan Desa / Kecil

### 7.3.3. Projek Skim Bantuan Usahawan

Objektif : Membantu pengusaha dan keluarga dalam aktiviti - aktiviti ekonomi dan perdagangan secara kecil - kecilan atau berkumpul ke arah melahirkan usahawan kecil dan sederhana yang berdikari.

Jenis Program

- i. Pembinaan Gerai Bergerak
- ii. Penyediaan tapak berniaga
  - Kawasan tamu
  - Pasar tani
- iii. Bengkel Pemprosesan Industri Hiliran

### 7.3.4. Projek Promosi Produk

Objektif : Membantu para usahawan kecil dan sederhana dalam memperkenalkan produk - produk yang dihasilkan.

Jenis Program

- i. Pameran dalam Negeri / Pesta Peringkat Daerah
- ii. Pameran Keusahawanan Peringkat Negeri / Zon
- iii. Pameran Hari Peladang / Penternak dan Nelayan Negeri Sabah

#### 7.3.5. Projek Pembangunan Produk

Objektif : Ke arah mengenalpasti sesuatu produk sama ada yang sudah wujud atau baru dikaji agar produk berkenaan berpotensi untuk dikomersialkan.

Jenis Program

- i. Pembelian alat - alat mesin dan alat - alat pemrosesan
- ii. Pembuatan / pemrosesan buah - buah tempatan yang berpotensi

#### 7.3.6. Projek Penyelidikan dan Pembangunan

Objektif : Ke arah menyediakan maklumat lengkap berhubung dengan perusahaan - perusahaan kecil dan sederhana di luar bandar

Jenis Program

- i. Pencetakan risalah/brosur/gambar/video dan sebagainya
- ii. Pusat rujukan
- iii. Pengumpulan data

#### 7.4. Program Satu Daerah Satu Produk

##### 7.4.1. Projek Membangun usahawan kecil - kecilan

Objektif : Ke arah menggalakkan masyarakat desa mencaburi bidang keusahawanan secara kecil - kecilan.

Jenis Program

- i. Kursus / latihan
- ii. Bantuan peralatan secara berkelompok

#### 7.4.2. Projek Membangunkan Tanah Terbiar

Objektif : Ke arah menggalakkan perusahaan tanah terbiar di luar bandar dengan tanaman komersial yang berdaya maju.

Jenis Program

- i. Tanaman Kopi / pisang / jagung secara bersepadu

#### 7.4.3. Projek Mempromosikan Potensi yang ada di daerah

Objektif : Ke arah mempromosikan produk atau hasil yang berpotensi yang ada di daerah - daerah

Jenis Program

- i. Pembinaan bengkel
- ii. Bimbingan dan galakan
- iii. Pembinaan gerai - gerai
- iv. Pameran Program Peruntukan Khas

#### 7.5.1. Projek Peruntukan Khas ADUN ( Kerajaan )

Objektif : Untuk melaksanakan projek -projek kecil luar bandar yang telah dikenalpasti dari segi keutamaannya dan keperluannya serta memberikan manfaat keseluruhan masyarakat luar bandar di sesuatu kawasan yang berkenaan.

Jenis Program

- i. Pembinaan jambatan titi
- ii. Pembinaan balai raya
- iii. Perparitan
- iv. Bekalan bantuan peralatan

- v. Pembinaan rumah - rumah ibadat

#### 7.5.2. Projek Peruntukan Untuk Menteri

Objektif : Untuk melaksanakan projek - projek kecil luar bandar yang telah dikenalpasti dari segi keutamaannya dan keperluannya oleh Y.B. Menteri berkenaan untuk kawasan - kawasan tertentu yang memerlukan penyelenggaraan segera.

##### Jenis Program

- i. Jalan Kampung
- ii. Jambatan titi
- iii. Bantuan Peralatan perumahan
- iv. Jambatan gantung
- v. Pembinaan rumah - rumah ibadat dll

#### 7.5.3. Projek Peruntukan Untuk ADUN (Dilantik)

Objektif : Untuk melaksanakan projek -projek kecil luar bandar yang telah dikenalpasti dari segi keutamaannya dan keperluannya serta memberikan manfaat keseluruhan masyarakat luar bandar di sesuatu kawasan yang berkenaan.

##### Jenis Program

- i. Pembinaan jambatan titi
- ii. Pembinaan balai raya
- iii. Perparitan
- iv. Bekalan bantuan peralatan
- v. Pembinaan rumah - rumah ibadat



#### 7.5.4. Projek Peruntukan Untuk Kawasan DUN Bukan Kerajaan

Objektif : Untuk melaksanakan projek - projek kecil luar bandar yang telah dikenalpasti dari segi keutamaannya dan keperluannya oleh Pegawai Daerah serta dapat memberikan manfaat kepada penduduk sesuatu kawasan berkenaan.

Jenis Program

- i. Pembinaan dan pembaikan
  - ◆ Jalan Kampung
  - ◆ Jambatan titi / gantung
  - ◆ Perparitan Balai raya
  - ◆ Rumah - rumah ibadat

#### 7.6. Program Pembasmian Kemiskinan

##### 7.6.1. Projek Peningkatan Pendapatan

Objektif : Memastikan agar KIRT dapat menikmati hidup yang selesa dan secara langsung akan mengeluarkan KIRT berkenaan dari kelompok termiskin dan miskin.

Jenis Program

- i. Pembukaan Tanah - Tanah Terbiar ( Ladang PPRT)
- ii. Pertanian, Perikanan dan Penternakan secara berkelompok
- iii. Agensi Pembimbing secara bersepadu
- iv. Pewujudan Program Kg. Desa Wawasan

##### 7.6.2. Projek Perumahan KIRT

Objektif : Menyediakan rumah kediaman KIRT yang kurang upaya.

Jenis Program

- i. Pembinaan rumah KIRT

- ii. Pemulihan rumah

#### 7.6.3. Projek Kemudahan asas di Ladang PPRT

Objektif : Untuk memenuhi infrastruktur asas di ladang - ladang PPRT.

Jenis Program Fizikal

- i. Pembinaan perumahan / Jalan raya / Balai raya / surau / Bekalan air / elektrik dan sebagainya

#### 7.6.4. Projek Pembangunan Sumber Manusia

Objektif : Melahirkan masyarakat KIRT yang proaktif dan tidak dibelenggu oleh kepompong kemiskinan.

Jenis Program

- i. Latihan / motivasi
- ii. Lawatan
- iii. Kursus Kemahiran / Pemulihan sikap

### 8. PERATUS PENCAPAIAN PELAKSANAAN TAHUN 1995 - 1999:

Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah telah ditubuhkan pada 17 November, 1995 dan bertanggungjawab terhadap fungsi Unit Industri Desa, Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat Sabah pada Oktober, 1999. Dalam tempoh RMK7 program - program pembangunan yang dilaksanakan oleh Kementerian ialah **Projek Pembangunan Kecil (D19 0100 0001)** dan **Pemulihan Kampung (D19 0100 0002)**. Walaubagaimana pun, di akhir RMK7 program **Pembangunan Industri Kraftangan (D19 0100 0003)** dan **Program Satu Daerah Satu Produk (D19 0100 0004)**, Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat Sabah telah diletakkan di bawah kendalian Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah.